

Headline	Tutup kedai kotor		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	70	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	317 cm <sup>2</sup>
Journalist	Faliq Lajim	AdValue	RM 12,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,320



# Tutup kedai kotor

■ **5 premis diberi tempoh 14 hari untuk bersih, penambahbaikan**

**Faliq Lajim**  
cnews@nsp.com.my

## Banting

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) mengarahkan lima premis makanan di daerah ini ditutup serta-merta selama dua minggu selepas di-dapati beroperasi dalam keadaan kotor.

Semua premis itu diarahkan tutup pada operasi bersepadu MDKL dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, bermula jam 10 pagi semalam.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan MDKL Noor Hayati Ibrahim berkata, semua premis itu ditutup sementara mengikut Undang-Undang Kecil 62, Undang-Undang Kecil Pelesehan Establismen Makanan (MDKL) 2007.

Katanya, premis terbabit terletak di sekitar Sijangkang dan Teluk Panglima Garang.

"Perintah arahan menutup premis dibuat berikutan kita terjumpa kesan huruhan serangga termasuk lipes, kegagalan mendapat suntikan tifoid selain tidak mengikut langkah-langkah kebersihan yang ditetapkan.

"Semua pemilik premis



PREMIS makanan dalam operasi bersepadu MDKL dengan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat di sekitar Sijangkang dan Teluk Panglima Garang.

diberi tempoh 14 hari untuk melakukan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan seperti yang diarahkan," katanya.

Turut hadir Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Kuala Langat Mohamad Farhan Kadir.

Noor Hayati berkata, MDKL komited memastikan mutu perkhidmatan perniagaan makanan di daerah ini dalam keadaan bersih.

"Walaupun beberapa alasan diberikan termasuk bangunan premis yang lama, baru saja beroperasi selepas cuti panjang, tidak mempunyai kakitangan untuk membersihkan serta beberapa alasan lain, namun kita tidak boleh bertolak ansur mengenai perkara-perkara seperti ini yang membabitkan kebersihan makanan," katanya.

Sementara itu, Mohamad

Farhan berkata, arahan terhadap kedai-kedai yang ditutup dalam operasi itu dibuat mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

"Pemeriksaan mendapati ada premis memperoleh markah kurang 65 peratus selain kehadiran tikus. Notis kesalahan juga dikeluarkan berkaitan kebersihan mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009," katanya.

Headline	Banjir kilat akibat sampah sumbat longkang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	70	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	207 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,123
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,369



## Banjir kilat akibat sampah sumbat longkang

**Klang:** Pembuangan sampah sama ada domestik atau pu-kal didakwa menjadi punca banjir di sekitar pekan Meru sehingga mengganggu akti-viti harian penduduk.

Penduduk Taman Daya Meru yang ditemui mengaku pembuangan sampah oleh pihak tidak bertang-gungjawab menyebabkan longkang berhampiran ke-diaman mereka tersum-bat.

Kakitangan swasta, Nor-hamdan Hasani, 40, berkata, susulan banjir sejak Jumaat lalu, dia terpaksa memohon cuti malah anaknya juga ti-dak dapat ke sekolah.

"Hujan pada Isnin lalu menyebabkan banjir kilat. Banyak barang rosak akibat ditenggelami air seperti peti sejuk, mesin basuh dan pe-rabot.

"Rumah ini saya beli dua tahun lalu. Sepanjang tem-poh itu, banjir kali ini paling



**PENDUDUK** Taman Daya Meru mengharungi banjir di kawasan taman.

teruk. Saya tidak menolak kemungkinan masalah sis-tem perparitan dan longgo-kan sampah dalam longkang menyumbang kepada banjir di kawasan perumahan ini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Siti Aishah Abdullah, 25,

berkata dia juga kerugian besar akibat banjir malah air di rumahnya mencecah pa-ras pinggang kelmarin.

"Semalam (kelmarin) air di paras pinggang, hari ini (semalam), kurang sikit, pada paras lutut manakala barang-barang rumah pula

banyak yang rosak.

"Anak-anak sudah se-minggu tidak ke sekolah, baju semua kotor dan se-karang saya tidak dapat ber-sihkan rumah sebab air ma-sih ada.

"Air pula kotor sehingga badan saya dan anak-anak gatal apabila terkena air ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Klang Samsol Maarif Saibani ketika ditemui di lokasi ber-kata, kebanyakan longkang dan parit di kawasan banjir kilat dipenuhi sampah.

"Macam mana hendak mendidik masyarakat agar mereka buang sampah di tempat sepatutnya, tidak di dalam sungai atau parit.

"Ini satu daripada punca utama banjir yang kerap me-landa di kawasan ini selain sistem perparitan yang tidak di selenggara dengan betul," katanya.



18 Oct 2018  
Kosmo, Malaysia

Author: Suhana MD. Yusop • Section: Negara • Page: 3 • Printed Size: 364.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 9,482.67  
Item ID: MY0034062321

PEJATAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahotline9@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

# Syarikat jual doh roti canai guna logo halal tidak sah diserbu

Oleh SUHANA MD. YUSOP

**SHAH ALAM** - Seorang pengusaha syarikat menjual doh roti canai dan capati di Setia Alam dekat sini dikesan menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tanpa kebenaran bagi meraih keuntungan sejak sembilan bulan lalu.

Kegiatan licik pengusaha berusia 30-an itu terbongkar selepas sepasukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melakukan serbuan di syarikat itu pukul 10 pagi Isnin lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Azman Adam berkata, serbuan tersebut dilakukan selepas JAIS menerima aduan orang ramai berhubung produk doh tepung roti canai dan capati yang dikeluarkan syarikat berkenaan.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati produk

tersebut menggunakan logo halal pada kotak pembungkusan produk makanan mereka sedangkan syarikat berkenaan bukan pemegang sijil halal.

"Semasa serbuan, kita mendapati lapan pekerja warga asing berada di dalam premis itu dan menemui sebanyak 1,772 kotak kosong pembungkusan doh roti canai dan capati yang tertera logo halal Jakim."

"Kita turut merampas 60 kotak berisi 6,000 doh roti canai dan 12 kotak berisi 360 doh capati bernilai RM3,063," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAIS, Wan Najmiah Wan Mohamad Ali.

Tambah Azman, pihaknya turut merekodkan keterangan pemilik syarikat itu bagi membantu siasatan.

Mengulas lanjut, ka-



18 Oct 2018

Kosmo, Malaysia

Author: Suhana MD. Yusop • Section: Negara • Page: 3 • Printed Size: 364.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 9,482.67

Item ID: MY0034062321

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setkakohsung@gmail.com



sisentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

tanya, semua barang itu dirampas mengikut Perintah 4 (1) Perintah Perihal Dagangan 2011 (Perakuan dan Penandaan Halal) Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Azman berkata, doh roti canai dijual pada harga RM20 sekotak yang mem-

punyai 100 doh, manakala RM10 bagi capati (30 doh).

Kesemua produk syarikat itu dipasarkan kepada restoran di Selangor.

Sementara itu, Wan Najmiah berkata, pihaknya setakat ini mengesan sebanyak 16 syarikat yang melakukan kesalahan sama di negeri ini sejak 2015.

Tarikh Tutup Penyertaan : 31 Oktober 2018  
Pemenang akan diumumkan pada bulan November 2018

**JOM BERZAKAT @ zakat.com.my**  
REBUT PELUANG ANDA SEKARANG!  
**MENANGI 20 HADIAH SETIAP BULAN**  
OGOS - SEPTEMBER - OKTOBER

Pemenang akan diumumkan di Portal PPZ [www.zakat.com.my](http://www.zakat.com.my) pada setiap bulan berikutnya. Majlis penyampaian hadiah akan dilangsungkan di Karnival Zakat pada bulan Disember 2018.

[zakat.com.my](http://zakat.com.my) [f Pusat Pungutan Zakat](#) TALIAN ZAKAT  
**1300 88 5757**



AZMAN (depan tiga dari kanan) dan Wan Najmiah (depan tiga dari kiri) menunjukkan logo halal yang tidak sah digunakan pada produk doh tepung roti canai dan capati pada sidang akhbar di Shah Alam semalam.

Headline	Lapan premis makanan kotor diarahkan tutup		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Oct 2018	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	106 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,207



## Lapan premis makanan kotor diarahkan tutup

**KUALA LANGAT** – Lapan premis makanan di sekitar daerah ini diarahkan tutup serta-merta selama 14 hari bermula semalam selepas operasi bersepadu mendapati ia terlalu kotor termasuk dikesan mempunyai tikus dan lipas.

Arahan penutupan itu dibuat mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 kerana tidak menepati syarat kebersihan yang ditetapkan.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Majlis Daerah Kuala Langat, Noor Hayati Ibrahim berkata, empat kompaun atas pelbagai kesalahan turut

dikeluarkan dalam operasi bersepadu itu yang melibatkan 30 premis makanan yang diperiksa.

“Lapan premis diarah tutup sementara kerana terdapat kehadiran tikus dan lipas selain peti sejuk gagal berfungsi dengan baik serta persekitaran tidak bersih.

“Kesemua premis ini diarahkan tutup selama 14 hari dan perlu dibersihkan mengikut peraturan ditetapkan, namun jika kerja pembersihan dilakukan segera mereka boleh menjalankan perniagaan lebih awal,” katanya ketika ditemui semalam.

Headline	Hujan lebat mesti banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	544 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 9,279
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,837



# Hujan lebat mesti banjir

*Penduduk Taman Daya mahu masalah mereka diselesaikan pihak berwajib*

AZIE YAHAYA

MERU

Penduduk di Taman Daya Meru, di sini, mengakui penat setiap kali rumah dinaiki air akibat banjir.

Menurut salah seorang penduduk, Siti Aishah Abdullah, 25, setiap kali hujan lebat, air longkang akan melimpah masuk ke rumah mereka.

Katanya, rumahnya paling terkesan apabila air banjir masuki rumah hingga paras kira-kira semeter.

"Perabot, peralatan elek-



Penduduk terpaksa mengharungi air selepas kawasan rumah mereka digenangi air.

trik habis rosak. Baju-baju juga habis basah kerana ditenggelami air. Nasib baik hari ini (semalam), air dah suruh hingga bawah lutut.

"Saya terpaksa pindah ke rumah mak yang tinggal di taman sama kerana rumahnya tak teruk sangat. Hanya bahagian depan saja dinaiki air

hingga paras buku lali," katanya ketika ditemui semalam.

Ibu empat anak ini berkata, walaupun rumah ditenggelami air, dia enggan berpindah ke pusat pemindahan sementara memandangkan anak-anaknya tidak biasa tinggal bersama orang lain.

"Nasib baik mak ada di

sini, bolehlah saya tumpang sementara tunggu air surut.

"Bukan taknak dudukpusat pemindahan tapi anak-anak saya tak biasa duduk dengan orang lain. Risau mereka buat perangai," katanya.

Menurut Siti Aishah, setiap kali banjir, air kumbahan turut memenuhi ruang tamu. "Aimya sangat kotor dan

Headline	Hujan lebat mesti banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	544 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 9,279
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,837

badan akan gatal-gatal. Bimbang juga akan kena penyakit.

### ***Sistem perparitan tak sistematisik***

Bagi pekerja swasta, Norhamdan Hasani, 40, berkata, sistem perparitan tidak sempurna menjadi faktor banjir lambat surut.

"Jumaat air naik, Sabtu baru surut tapi Isnin air kembali tinggi hingga hari ini (semalam) sebab hujan lebat dah beberapa hari.

"Longkang yang ada tak mampu tampung aliran air hingga melimpah ke rumah kami," katanya.

Dia yang tinggal di taman berkenaan sejak dua tahun lalu berkata, dia kerugian kira-kira RM4,000 apabila perabot dan alatan elektrik rosak ditenggelami air.

"Kos harian juga meningkat sebab terpaksa makan di luar kerana dapur digenangi air



Taman Daya bergenang dalam air.



Samsol Maarif mendengar luahan penduduk ketika membuat tinjauan di kawasan terjejas.

Headline	Hujan lebat mesti banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	544 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZIE YAHAYA	AdValue	RM 9,279
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,837

hingga paras buku lali.

"Saya dan anak-anak juga terpaksa bercuti kerana risau nak tinggalkan rumah sebab sekarang cuaca tak menentu lagi. Risau juga tak sempat alihkan barang-barang jika tinggalkan rumah lama-lama," katanya.

Katanya lagi, dia sangat berharap agar pihak berkaitan segera menyelesaikan masalah terbabit.

"Sekarang ni kita dalam keadaan berjaga-jaga, bimbang keadaan lagi teruk. Kita dah sedia awal-awal untuk ambil langkah seterusnya," katanya.

Seorang lagi penduduk yang ingin dikenali sebagai Asma, 46, berkata, keadaan banjir lebih teruk sejak dua tahun kebelakangan ini.

"Kawasan sini mula dinaiki air sejak 2010 tapi agak teruk dua tahun kebelakangan ini.

"Hujan dalam setengah jam saja, air dah mula naik. Bila tengok langit mendung, kami dah mula risau," katanya.

Katanya, penduduk sudah penat setiap kali banjir berlaku.

"Kami dah tak larat nak alihkan perabot sebab selalu sangat air masuk dalam ru-



**SITI AISHAH**

mah.

"Sampai satu tahap kami biar jer perabot digenangi air. Nak sental rumah pun dah tak larat. Kadang-kadang duahari baru air surut tapi kali ini agak lama.

"Kami dah sering buat laporan kepada PBT tapi masih lagi masalah sama berulang," katanya.


### ***Sikap penduduk turut jadi punca***

Dalam pada itu, menurut Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Klang, Pengusa Kanan II, Samsol Maarif Saibani, sikap tidak bertanggungjawab segilintir penduduk yang membuang sampah ke dalam longkang juga dipercayai antara punca banjir lambat surut selain taburan hujan yang tinggi dan sistem perparitan yang tidak sempurna.

"Macam mana air hujan nak mengalir dengan cepat bila longkang-longkang sedia ada dipenuhi sampah-sarap.

Justeru beliau menasihati penduduk supaya lebih bertanggungjawab dengan memastikan persekitaran mereka terjaga dan tidak mengotorkan kawasan sekeliling.

Headline	Bila masjid nak siap?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	742 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 12,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,970



# Bila masjid nak siap?

*Kariah USJ 16 -18  
persoal pembinaan  
masjid tertangguh*

NUR FARHANA ABDUL MANAN

SUBANG JAYA

**B**ila masjid nak siap? Itu persoalan yang timbul dalam kalangan ahli kariah sekitar USJ16-USJ18 di sini, apabila masjid yang sepatutnya siap bulan depan didakwa masih memerlukan tempoh yang lama untuk dibina.

Pengerusi Surau Al Madaniah USJ 18, Datuk Zulkarnain Mustapa berkata, progres pembangunan masjid tersebut didakwa terlalu perlahan dan tidak nampak kerja-kerja dilakukan di tapak ketika ini.

Menurutnya, kerja di tapak didapati terhenti sejak tiga minggu lalu menyebabkan projek pada awalnya tertangguh kira-kira tiga bulan akan mengambil masa lebih panjang untuk disiapkan.

“Kalau tangguh patut dua tiga bulan saja...tapi kalau tengok progres kerja di tapak rasanya macam lama lagi masjid nak siap.

“Bila tanya kepada kontraktor, mereka jawab pembayaran daripada unit penyelarasan pelaksanaan (ICU) tertangguh disebabkan penukaran kerajaan,” katanya.

Zulkarnain berkata, ahli kariah mengharapkan masjid segera disiapkan kerana surau sedia ada yang menganjurkan solat Jumaat tidak dapat menampung jumlah

Headline	Bila masjid nak siap?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	742 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 12,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,970

jemaah.

"Sebab tu kami mohon sangat kontraktor siapkan masjid dengan cepat," katanya.

### *Masjid sepatutnya siap November ini*

Ahli kariah, Amran Ahmad berkata, surat kelulusan dana untuk pembinaan masjid diperoleh pada September 2015.

Katanya, mengikut perjanjian kerja di tapak sepatutnya mula pada Mei 2017 dan ia sepatutnya siap dalam tempoh 18 bulan iaitu November tahun ini.

"Awal-awal lagi projek ni dah tangguh tiga bulan dengan alasan pihak berkuasa tempatan (PBT) lambat keluarkan kelulusan. Bila tanya PBT mereka kata tak pernah lengahkan proses tu.

"Lepas tu mereka kata ICU tak bayar tapi bila dirujuk ICU pula kata pembayaran dah dibuat," katanya.

Amran berkata, kariah tidak mahu dengar alasan lagi kerana dimaklumkan peruntukan pembinaan masjid sebanyak RM9.8 juta sudah lama mencukupi.



ZULKARNAIN



RAFIZAN



AMRAN

"Jawatankuasa pembinaan patut kena pantau pembinaan masjid...kalau asyik tangguh, kena buatsesuatu, kalau kontraktor tu tak boleh buat tukarlah. Kalau bina ikut jadual isu tak dibayar tak timbul, saya tak yakin mereka boleh teruskan lagi," katanya pihak berkenaan pernah beri taklimat status pembinaan masjid namun maklumat diberi mengecewakan.

Penduduk, Rafizan Abd Razak berharap pembinaan masjid diselesaikan untuk keselesaan jemaah.

Katanya, jemaah terpaksa solat di tepi parit, tempat parkir tidak

berbumbung dan bahagian antara kedai makan kerana ruang dalam surau yang anjurkan solat Jumaat sentiasa penuh.

"Mohon sangatlah cepatkan pembinaan supaya jemaah lebih selesa," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Masjid Al Madaniah USJ 18, Datuk Abd Aziz Abu Bakar berkata, beliau sudah berhubung dengan kontraktor berhubung kelewatian projek pembinaan itu.

Menurutnya, kerja pembinaan tertangguh pada awalnya disebabkan proses kelulusan daripada PBT.

Headline	Bila masjid nak siap?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	742 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 12,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,970

## info

Pembinaan masjid USJ 18 bermula Mei 2017 mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan

Isu pembayaran lewat disebabkan berlaku peralihan kuasa di pihak kerajaan turut menjadi punca pihak kontraktor hentikan kerja di tapak awal September lalu.

“Saya dimaklumkan bayaran tertunggak kepada kontraktor sudah dibuat Jumaat lalu. Projek akan diteruskan kembali dalam tempoh dua minggu lagi.

“Sebenarnya punca kelewatan kita dah beritahu penduduk dalam taklimat diadakan sebelum ini,” katanya adalah sukar jika mahu memenuhi gesaan penduduk yang mahu kontraktor ditukar kerana prosesnya rumit serta akan menyebabkan projek tertangguh di tapak lebih lama.

*Isu teknikal dan pembayaran punca tertangguh*

Sementara itu, wakil syarikat kontraktor berkata, progres di tapak kini mencapai kira-kira 20 peratus tahap kemajuan kerja.

Katanya, isu teknikal dan pembayaran menyebabkan kerja-kerja di tapak tertangguh.

Menurutnya, selepas mengambil kira tempoh kerja tertangguh dan kelewatan yang berlaku, masjid hanya dapat disiapkan sebelum tahun 2020.

“Jika semua ‘okey’ dari awal memang pembinaan tak ada masalah, mungkin kalau ada tangguh taklah selewat macam sekarang.

“Tapi jika tak ada bayaran, bagaimana kami nak teruskan kerja,” katanya kerja di tapak akan dimulakan semula hujung bulan ini.



Papan tanda projek memaklumkan projek masjid sepatutnya siap pada 20 November tahun ini.

Headline	Bila masjid nak siap?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	742 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR FARHANA ABDUL MANAN	AdValue	RM 12,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,970



Penduduk mempersoalkan bila Masjid USJ 18 akan siap selepas mendakwa kerja-kerja di tapak kini dihentikan.



Kerja di tapak baru 20 peratus sedangkan masjid patut siap bulan depan.



Ahli kariah mohon segerakan pembinaan masjid berikutan surau sedia ada sudah tidak dapat menampung jumlah jemaah.

Headline	CONFERENCE OF RULERS		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	18 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	3	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,338



## CONFERENCE OF RULERS

Raja of Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (fifth from left) chairing the 250th meeting of the Conference of Rulers at Istana Negara yesterday. All the Malay rulers, except the sultans of Pahang, Johor, Kedah and Kelantan, attended the meeting. The Yang di-Pertua Negeri of Penang, Melaka, Sabah and Sarawak also attended the one-day meeting, which began at 10.30am. The rulers and their representatives were accompanied by their menteris besar, and the Yang di-Pertua Negeri, by their chief ministers. **BERNAMA PIC**



18 Oct 2018  
The Star, Malaysia

Author: Kathleen Michael • Section: Metro • Page: 1,4 • Printed Size: 288.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 15,422.67  
Item ID: MY0034062474

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

## NEWS

Selangor MB to meet parties on temple relocation

>4

# Selangor MB to mediate temple issue

Negotiations to find best solution for all parties will take place next week

By KATHLEEN MICHAEL  
kathleen@thestar.com.my

SELANGOR Menteri Besar Amirudin Shari will meet with all parties involved in the relocation of the Seafield Sri Maha Mariamman Temple on Oct 22.

Sentosa assemblyman G. Gunaraj confirmed this and said the issue was a private matter that did not involve government land.

He said Amirudin would step in like previous years when former menteri besar Datuk Seri Azmin Ali had asked that time for negotiations be set for the parties involved.

However, it did not take place. Gunaraj said the temple committee and developer had adhered to a court order of relocating to the new temple grounds, 2.7km away from the current site.

He added that the temple committee had consented to the relocation, but an opposing group wanted the temple to be preserved as a heritage site.

"The menteri besar had to get involved, and he agreed to discuss the matter," Gunaraj said.

He said the temple committee wanted to move deities from the current temple to the temporary structure built at the new site, but

was stopped by a group of people.

The structure to house the deities was built in June last year, and a proper temple will be constructed at a later date.

The relocation of the temple was based on a consent judgment by the court in 2014.

On Sept 28, Shah Alam High Court issued a notice requesting temple occupiers to vacate the premises before Oct 15.

However, since Sunday night, Nagaraju Meganathan, 64, whose grandfather built the current temple, and K. Selvam from non-governmental organisation Free Malaysia, went on a hunger strike to save the temple.



18 Oct 2018  
The Star, Malaysia

Author: Kathleen Michael • Section: Metro • Page: 1,4 • Printed Size: 288.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 15,422.67  
Item ID: MY0034062474

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

4 News STAR METRO, Wednesday 17 OCTOBER

## Hunger strike for the sake of temple

Two devotees object to its relocation and want site to be gazetted

By KATHLEEN MICHAEL  
kathleen@thestar.com.my

AT THEIR wits' end, two survivors of the 147-year-old Sri Sri Maha Mariamman Temple in Jalan 25 have been on a hunger strike since Sunday to stop its relocation.

Sugapandi Maniam, 65, whose grandfather built the temple, and K. Selvaran from non-governmental organisation Selvam said they were willing to die to save the temple.

On Sept 26, Shah Alam High Court issued a notice requiring temple occupiers to vacate the premises by Oct 15.

Selvaran said it was his objective to see that the education of devotees were currently continuing at the temple, and complete it next month.

He said the devotees had approached the court for a writ of mandamus to move to the alternative site, and a

search and relay letter round out their efforts to bring the issue to the court's attention.

Nagapandi said the current site was supposed to be gazetted in 1987, but nothing happened.

They were supposed to relocate in 2015, Nagapandi added, but he believed the government's promise in LEP 23 was not honoured as per the clause in the consent letter.

The devotees had agreed to move to the alternative site, and a

perfect Home & HOME EXPO  
19-21 OCT 2016  
MID VALLEY  
KLCC  
400+ exhibitors • 150+ brands • 100+ speakers

StarMetro's report that was published yesterday.



18 Oct 2018

The Star, Malaysia

Author: EMBREN BATRISYIA ZAINOURUDIN • Section: Metro • Page: 10  
Printed Size: 165.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white  
ASR: MYR 4,197.55 • Item ID: MY0034061381

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## PJ Fair returns for sixth year

By EMBREN BATRISYIA ZAINOURUDIN  
[metro@thestar.com.my](mailto.metro@thestar.com.my)

THE Petaling Jaya Fair 2018 is back on Nov 4 for its sixth instalment and in its second year adopting the theme "International Folklore Festival".

To be held at Dataran Petaling Jaya, the one-week event is set to support the implementation of the PJ Sustainable 2013 master plan in cultural and community development.

PJ Fun Run, PJ International Netball Championship, Tapak Urban Street Dining and Kronos Sports Sale, as well as The Most Number Mannequin Challenge Participants which is set to break the Malaysia Book of Records, are just a few of the activities in store.

In conjunction with World Habitat Day, a "Pledge and Plant A Tree" event will also take place.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Azizi Mohd Zain said the main goal of the fair that started in 2013 was to promote Petaling Jaya as an Art City and an international tourism destination that advocates cultural diversity and sustainable urbanisation.

The festival will feature delegates from Malaysia, Indonesia, Japan, South Korea,

Thailand, the Philippines, Iran, Finland and Botswana in an art and cultural performance show.

